

PUCUNG DANAU
Great Bittern

FAMILI: Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Botaurus stellaris*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bersaiz besar dan mempunyai keseluruhan bulu yang berwarna kuning pudar dengan corak hitam. Bahagian muncung tebal dan berwarna kuning. Bahagian atas kepala berwarna hitam dengan jalur hitam halus bermula dari tepi paruh hingga ke leher. Bahagian tepi kepala berwarna kuning kemerahan manakala kaki berwarna kehijauan. Sayapnya lebar dan bahagian atas bulu penerbangan berwarna coklat kehitaman dengan jalur coklat kemerahan yang lebar. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah antara 70-80 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada pelbagai hidupan akuatik termasuklah ikan, amfibia, krustasia, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di paya air tawar yang mempunyai vegetasi yang baik dan saluran air yang mempunyai pokok mensiang.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *kau* atau *krau* yang kasar dan kuat semasa terbang. Bagi menandakan wilayahnya, spesies ini mengeluarkan bunyi *up-RUMPH* yang perlahan dan dalam.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.